



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

KPT HARGAI ATLET CEMERLANG DI UNIVERSIADE 2023

Seramai 20 atlet IPT menerima insentif kemenangan berjumlah RM32,500 hasil pencapaian cemerlang pada temasya Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) Chengdu pada Julai lepas.

Penyertaan UNIVERSIADE pada kali ini telah menjadi sejarah baru kepada penanda aras prestasi atlet IPT di pentas tertinggi dunia apabila kontinjen negara telah berjaya memenangi pingat EMAS pertama di temasya ini setelah menanti selama 38 tahun sejak temasya pertama UNIVERSIADE di Kobe, Jepun pada 1985 menerusi atlet wusyu negara, Tammy Tan Hui Ling dari Asia Pasific University (APU).

Kejayaan cemerlang ini telah dituruti oleh atlet-atlet yang lain apabila turut menyumbang 1 Perak dan 5 Gangsa kepada kontinjen Negara. 1 Perak disumbang oleh pasukan terjun dan 5 Gangsa pula melibatkan 3 daripada Wushu dan 2 daripada Badminton.

Paling membanggakan, perenang negara, Bryan Leong Xin Ren (King's College London) memadamkan rekod kebangsaan berusia 14 tahun milik Daniel Bego dalam acara 50 meter kuak kupu-kupu dengan masa 24.35 saat serta pelari sensasi 400 meter negara, Umar Osman pelajar dari Politeknik Ibrahim Sultan pula mencatat sejarah memadamkan rekod kebangsaan miliknya pada Sukan Sea Kemboja Mei lalu iaitu 46.34 saat sebanyak dua kali dalam tempoh 24 jam dengan masa 46.33 saat dan 46.09 saat serta layak beraksi di peringkat akhir.

Pada majlis yang sama, pelancaran *Road To Surabaya 2024* turut diadakan. Malaysia bakal menyertai Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) 2024 pada 25 Jun hingga 6 Julai 2024 bertempat di Surabaya dan Malang, Indonesia. 11 Negara ASEAN bakal mengambil bahagian dengan 19 acara sukan juga akan dipertandingkan.

KPT akan menggandakan usaha untuk menghantar atlet yang bukan sahaja mampu cemerlang dan memenangi pingat di Surabaya malah seterusnya akan menjadi bintang sukan masa hadapan negara.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

14 November 2023

LAMPIRAN



SENARAI PENERIMA INSENTIF SUKAN UNIVERSITI DUNIA (UNIVERSIADE) 2021, CHENGDU, CHINA

Sukan	ACARA	Pingat	Nama	Universiti	Insentif (RM)	CATATAN
Wushu	Qiangshu Wanita	Emas	Tammy Tan Hui Ling	Asia Pasific University (APU)	15,000.00	Pingat Emas pertama selepas 38 tahun kontinjen IPT Malaysia menyertai UNIVERSIADE
	Taijiquan Wanita	Gangsa	Mandy Cebelle Chen	Universiti Taylor's	1,500.00	Mengikut kadar semasa
	Daoshu Lelaki	Gangsa	Ang Qi Yue	The One Academy	1,500.00	
	Nangun Lelaki	Gangsa	Calvin Lee Wai Leong	Despark College	1,500.00	
Akuatik Terjun	3M Papan Anjal Seirama Wanita	Perak	Kimberly Bong Qian Ping	Universiti Malaya (UM)	5,000.00	Mengikut kadar semasa
			Ong Ker Ying	Asia Pasific University (APU)		
Badminton	Berpasukan Campuran	Gangsa	Teoh Lexuan	Universiti Malaya (UM)	5,000.00	Mengikut kadar semasa
			Yap Rui Chen	Universiti Malaya (UM)		
			Desiree Siow Hao Shan	Universiti Taylor's		
			Gan Jing Er	IUKL		
			Ng Qi Xuan	Universiti Taylor's		
			Kisona Selvadury	Open University		
			Mohammad Faris Za'Im Abdul Khalid	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
			Faiz Rozain	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)		
			Liew Xun	Universiti Malaya (UM)		
			Wong Tien Ci	Universiti Taylor's		
			Anson Cheong Yan Feng	Universiti Malaya (UM)		
			Tan Kok Xian	Universiti Taylor's		
Badminton	Bergu Lelaki	Gangsa	Liew Xun	Universiti Malaya (UM)	1,500.00	Mengikut kadar semasa
			Wong Tien Ci	Universiti Taylor's		
PECAH REKOD KEBANGSAAN						
Olahraga	400M	46.33s / 46.09s Saringan / Separuh Akhir	Umar Bin Osman	Politeknik Ibrahim Sultan	3,000.00	Pecah rekod kebangsaan dua kali dalam tempoh 24 jam di UNIVERSIADE
Renang	50M Kuak Kupu-Kupu	24.35s	Bryan Leong Xin Ren	King College London	1,500.00	Pecah rekod kebangsaan yang berusia 14 tahun.
					35,500.00	

Senarai penerima insentif : 20 orang